

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



ANALISIS KEFAHAMAN IBU BAPA TERHADAP FAKTOR
PERUBAHAN SIKAP BELIA BERDASARKAN VIDEO
PENYALAHGUNAAN DADAH DI YOUTUBE

PARENTS' UNDERSTANDING ANALYSIS OF THE YOUTH ATTITUDE CHANGE
FACTORS THROUGH DRUG ABUSE VIDEOS ON YOUTUBE

Azlina Kamaruddin¹, Mohamad Irfan Shahrudin^{2*}

¹ Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia

Email: lyna@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia

Email: m.irfan.shahrudin@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 16.10.2022

Revised date: 07.11.2022

Accepted date: 22.12.2022

Published date: 31.12.2022

To cite this document:

Kamaruddin, A., & Shahrudin, M. I. (2022). Analisis Kefahaman Ibu Bapa Terhadap Faktor Perubahan Sikap Belia Berdasarkan Video Penyalahgunaan Dadah Di Youtube. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (48), 586-600.

DOI: 10.35631/IJEPC.748044

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini telah memberi gambaran sebenar tentang isu penyalahgunaan dadah yang berlaku di negara ini yang menyedarkan ibu bapa tentang peranan mereka dalam membentuk sebuah keluarga bebas dadah. Percambahan maklumat di media sosial yang dapat diakses dengan mudah turut memberi impak terhadap isu tersebut. Sungguhpun begitu, media sosial seperti YouTube tidak terkecuali dalam usaha mengatasi isu penyalahgunaan dadah menerusi pemaparan pelbagai video berkenaan penyalahgunaan dadah. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka kefahaman ibu bapa terhadap faktor perubahan sikap yang terdapat di dalam video penyalahgunaan dadah di YouTube. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Temu bual semi-struktur dilaksanakan ke atas ibu bapa bagi mencapai objektif kajian. Data kajian dianalisis menggunakan analisis tematik dengan bantuan aplikasi QSR NVivo. Hasil kajian menunjukkan kefahaman ibu bapa terhadap faktor yang mempengaruhi perubahan sikap belia berdasarkan paparan video penyalahgunaan dadah terdiri daripada YouTube sebagai sumber motivasi, sokongan ahli keluarga, dan YouTube dapat mempengaruhi sikap pengguna.

Kata Kunci:

Sikap, Dadah, Ibu Bapa, Youtube, Komunikasi

Abstract:

This study has given a real picture of the issue of drug abuse that occurs in this country which makes parents aware of their role in forming a drug-free family. The proliferation of information on social media that can be easily accessed also has an impact on the issue. However, social media such as YouTube is no exception in efforts to overcome the issue of drug abuse through the display of various videos on drug abuse. Therefore, this study aims to explore parents' understanding of the attitude change factors found in drug abuse videos on YouTube. This study uses a qualitative method. Semi-structured interviews were conducted on parents to achieve the objectives of the study. The research data was analyzed using thematic analysis with the help of the QSR NVivo application. The results of the study showed parents' understanding of the factors that influence the change in youth attitudes based on the display of drug abuse videos consisting of YouTube as a source of motivation, support from family members, and YouTube can influence user attitudes.

Keywords:

Attitude, Drugs, Parents, Youtube, Communication.

Pengenalan

Keluarga memainkan peranan penting dalam mengatasi isu penyalahgunaan dadah di samping penggunaan media sosial sebagai alat bantu dalam usaha mengatasi masalah tersebut. Menurut Kalaisilven dan Sukimi (2019), 94 peratus ibu bapa yang mengetahui aktiviti anak-anak di media sosial dapat mencegah anak-anak daripada terlibat dengan masalah sosial. Gaya didikan ibu bapa turut membantu dalam usaha mengatasi masalah penyalahgunaan dadah. Ibu bapa yang mengamalkan sikap autoritatif iaitu kawalan yang tegas dan memberi sokongan kepada anak-anak dapat membantu mereka untuk tidak terjebak dengan masalah sosial (Othman & lain-lain, 2019).

Jika diteliti dalam aspek gaya didikan ibu bapa, ia turut membantu dalam usaha mengatasi masalah penyalahgunaan dadah. Ibu bapa yang mengamalkan sikap autoritatif iaitu kawalan yang tegas dan memberi sokongan kepada anak-anak dapat membantu mereka untuk tidak terjebak dengan masalah sosial (Omar & Zakira, 2019). Kefahaman ibu bapa tentang pengaruh dadah menggalakkan mereka untuk melakukan aktiviti bersama anak-anak atau 'bonding time', bagi memantau pemikiran dan memberi pendidikan tidak formal kepada anak-anak. Kajian ini meninjau tahap kefahaman ibu bapa terhadap faktor perubahan sikap belia berdasarkan video penyalahgunaan dadah yang dipaparkan di YouTube.

Sorotan Literatur***Kefahaman Ibu Bapa Terhadap Anak-anak***

Isu penyalahgunaan dadah di Malaysia mencatatkan peningkatan setiap tahun dan banyak kajian telah dilaksanakan dalam menangani masalah tersebut. Faktor pengabaian ibu bapa terhadap anak-anak, kelonggaran komunikasi antara ibu bapa dengan anak-anak, dan pengaruh rakan sebaya sering dikaitkan sebagai punca remaja terlibat dengan masalah penyalahgunaan (Zolkanain & Yusof, 2020). Kepesatan perkembangan teknologi maklumat yang semakin meluas pada era ini turut menjadi faktor kepada penglibatan remaja dalam masalah sosial.

Kepesatan perkembangan teknologi maklumat yang semakin meluas pada era ini turut menjadi faktor kepada penglibatan remaja dalam masalah sosial. Menurut Zolkanain dan Yusof (2020) ibu bapa yang tidak bertanggungjawab dan tidak menunjukkan sikap peduli terhadap anak-anak menyebabkan mereka terlibat dengan masalah tingkah laku delinkuen. Komunikasi yang lemah dalam kalangan ahli keluarga juga turut mempengaruhi seseorang remaja untuk terlibat dalam masalah sosial seperti penagihan dadah, samun, rogol, buli, dan sebagainya (Hj Ibrahim & lain-lain, 2018; Othman & lain-lain, 2019).

Dalam pada itu, pemantauan ibu bapa terhadap media sosial anak-anak juga perlu diberi perhatian. Dapatan kajian Willoughby dan lain-lain (2020) berkongsi maklumat berkaitan ganja menerusi media sosial dan dijalankan di Washington, Amerika Syarikat. Tujuannya adalah untuk mengkaji jenis kandungan yang berkaitan ganja di media sosial yang dikongsi oleh remaja dan faktor yang mendorong kepada penyalahgunaan bahan. Kawalan ibu bapa yang rendah terhadap perkongsian maklumat berkenaan ganja di media sosial dan pengaruh daripada rakan sebaya yang tinggi menyebabkan anak-anak terpengaruh dengan masalah tersebut. Hal ini membuktikan bahawa kefahaman dan pemantauan ibu bapa memainkan peranan penting terhadap penggunaan media sosial dalam kalangan remaja.

Peranan YouTube dalam Mempengaruhi Perubahan Sikap

YouTube merupakan satu aplikasi perkongsian video dan gambar yang terkenal di seluruh dunia. Pelbagai jenis video dapat dimuat naik oleh pengguna menjadikan aplikasi YouTube lebih interaktif dalam menyampaikan sesuatu maklumat hasil gabungan audio dan visual (Zhou & lain-lain, 2016). Peranan YouTube dapat dilihat dengan lebih meluas seperti medium pendidikan, perkongsian maklumat, hiburan dan motivasi menjadikan aplikasi YouTube sebagai platform yang lebih komprehensif dalam mempengaruhi sikap individu mahupun kelompok masyarakat (Setiadi & lain-lain, 2019; Rahmawan & lain-lain, 2018). Seramai 24.6 juta pengguna internet di Malaysia menjadikan media sosial seperti Facebook, YouTube dan Instagram sebagai medium utama untuk berkomunikasi dan membina jaringan sosial (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2019).

Dalam usaha menangani isu kejahatan sosial, YouTube menjadi salah satu platform media sosial yang menjelaskan keadaan sebenar yang berlaku di sekeliling masyarakat melalui kepelbagaian genre video seperti muzik video, animasi, gaya hidup, sukan dan sebagainya (Zhou & lain-lain, 2016). Menurut Akram dan Kumar (2017) perkembangan media sosial seperti YouTube, Facebook dan Instagram sebagai laman sosial yang interaktif menjadi aspek penting dalam kehidupan masyarakat pada hari ini. Ia turut memberi kesan kepada perubahan sikap dan diri seseorang khususnya golongan remaja sama ada perubahan ke arah positif mahupun negatif.

Kajian Cooper dan lain-lain (2016), faktor motivasi dapat mengubah sikap individu khususnya golongan remaja untuk mencuba sesuatu yang baru walaupun hakikatnya perkara tersebut bercanggah dengan norma kehidupan. penggunaan YouTube dengan cara yang salah dengan memaparkan adegan yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah dan boleh memberi ancaman kepada golongan remaja (Fullwood & lain-lain, 2016). Sungguhpun begitu, video yang berunsur positif dapat mempengaruhi sikap pengguna dan membantu masyarakat untuk menghindari perkara yang boleh memudaratkan diri mereka (Romer & lain-lain, 2017).

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan kaedah pengumpulan data secara temu bual semi-struktur. Pemilihan kaedah tersebut adalah berdasarkan faktor fleksibiliti yang diberikan kepada informan dalam menghuraikan jawapan bagi soalan yang diajukan. Soalan-soalan dalam temu bual semi-struktur dibina terlebih dahulu oleh pengkaji, namun jawapan kepada soalan-soalan lebih adalah terbuka, boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemubual dan informan (Lebar, 2018; Muthiah & lain-lain, 2020). Persediaan menemubual turut diteliti oleh pengkaji.

Persampelan yang digunakan bagi mendapatkan informan dalam kajian ini ialah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Pengkaji memilih kaedah persampelan ini kerana pengkaji dapat memilih informan yang bertepatan dengan skop kajian dan dapat memberi maklumat berdasarkan pengalaman dan latar belakang informan tersebut (Cresswell & Cresswell, 2018). Informan yang digunakan bagi kajian ini terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak remaja dan menetap di daerah atau kawasan berisiko tinggi terhadap masalah penyalahgunaan dadah di negeri Kedah dan Perlis (Jadual 1 dan 2). Jumlah informan yang telah ditemubual bagi kajian ini adalah seramai lapan (8) orang. Menurut Lebar (2018) dan Merriam dan Grenier (2019) tiada piawaian yang ditetapkan dalam menentukan saiz sampel hingga sampai ke satu tahap di mana tiada lagi maklumat baru yang diperoleh yang disebut sebagai titik ketepuan.

Jadual 1: Jumlah Tangkapan Penagih Dadah di Negeri Kedah Mulai Tahun 2017 Hingga Tahun 2020 Mengikut Daerah

Daerah	2016	2017	2018	2019	2020	Jumlah
Kota Setar	2,221	671	525	616	504	4,537
Kuala Muda	2,555	351	175	325	190	3,596
Langkawi	1,233	342	213	278	327	2,393
Kubang Pasu	1,121	266	175	90	193	1,845
Baling	772	233	135	175	233	1,548
Kulim	625	123	64	121	104	1,037
Padang Terap	296	122	121	173	203	915
Yan	455	204	73	96	77	905
Sik	454	113	66	92	128	853
Pendang	450	47	90	103	113	803
Bandar Baharu	307	85	95	46	26	559
Jumlah	10,489	2,557	1,732	2,115	2,098	18,991

Jadual 2: Jumlah Tangkapan Penagih Dadah di Negeri Perlis Mulai Tahun 2017 Hingga Tahun 2020 Mengikut Daerah

Daerah	2016	2017	2018	2019	2020	Jumlah
Kangar	1,303	792	1,224	1,246	1,450	6,015
Arau	798	1,384	648	612	556	3,998
Padang Besar	823	267	724	666	644	3,124
Jumlah	2,924	2,897	2,596	2,524	2,650	13,591

Analisis tematik digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis data. Braun dan Clarke (2016) mendefinisikan kaedah analisis tersebut merupakan kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan menyusun tema dalam data. Data kajian yang diperoleh dianalisis berdasarkan pengkategorian tema dan kajian dilakukan secara mendalam terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan sikap terhadap penyalahgunaan dadah berdasarkan video di YouTube.

Soalan temu bual dibina berdasarkan kandungan literatur/ sorotan karya daripada pengkaji-pengkaji lepas. Seterusnya, penyelidik membuat adaptasi berdasarkan kesesuaian kajian penyelidik. Reka bentuk prosedur persampelan yang digunakan bagi mendapatkan informan dalam kajian ini ialah persampelan bertujuan (purposive sampling). Persampelan bertujuan ialah pemilihan informan tertentu yang akan memberi jawapan terhadap soalan yang dikemukakan dan memberi sumbangan informasi terhadap kajian (Berg, 2001). Pengkaji memilih kaedah persampelan ini kerana pengkaji dapat memilih informan yang bertepatan dengan skop kajian dan dapat memberi maklumat berdasarkan pengalaman dan latar belakang informan tersebut (Cresswell & Cresswell, 2018).

Pemilihan lokasi kajian adalah berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) berhubung kes penyalahgunaan dadah mengikut negeri di Malaysia dan pengkaji memilih dua buah negeri di zon utara Semenanjung Malaysia iaitu negeri Kedah dan Perlis kerana mencatatkan kes paling tinggi bagi zon tersebut. Seterusnya, pengkaji membuat permohonan kepada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman bagi mendapatkan data berhubung dengan kawasan yang mempunyai kes penyalahgunaan dadah tertinggi di negeri Kedah dan Perlis. Berdasarkan data yang diberikan oleh pihak PDRM Bukit Aman, daerah Kota Setar merupakan kawasan tertinggi bagi kes penyalahgunaan dadah di negeri Kedah, manakala daerah Kangar pula merupakan kawasan tertinggi bagi kes penyalahgunaan dadah di negeri Perlis. Seterusnya, penyelidik berhubung secara langsung dengan Ibu Pejabat Polis Kontijen (IPK) bagi kedua-dua buah negeri bagi mendapatkan maklumat tentang informan yang dipilih dalam kajian ini iaitu waris kepada penagih. Informan bagi kajian ini terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak remaja yang berumur di antara 13 hingga 24 tahun dan mempunyai sejarah penglibatan terhadap isu penyalahgunaan dadah. Pemilihan ibu bapa adalah berdasarkan kepada senarai maklumat peribadi yang diberi oleh IPK kepada penyelidik.

Jadual 3: Kriteria Pemilihan Informan

Bil.	Kriteria Informan
1.	Berumur antara 30 tahun ke atas dan tidak melebihi 55 tahun.
2.	Menetap di daerah Kota Setar bagi negeri Kedah dan daerah Kangar bagi negeri Perlis.
3.	Mempunyai anak remaja yang berumur antara 13 tahun hingga 24 tahun dan pernah terjebak dengan masalah penyalahgunaan dadah berdasarkan senarai maklumat yang diberikan oleh pihak PDRM.
4.	Bersedia untuk ditemubual dan memberikan maklumat kepada pengkaji.

Seterusnya, pengkaji menghubungi informan bagi mendapatkan persetujuan dan kesukarelaan mereka untuk ditemubual bagi melihat kefahaman ibu bapa terhadap video penyalahgunaan dadah yang telah dipilih oleh pengkaji. Pengkaji juga memaklumkan kepada informan tentang

kerahsiaan maklumat dan pandangan yang diberikan oleh informan. Seramai lapan orang informan telah ditemubual dalam kajian ini. Setelah mendapat persetujuan daripada informan, pengkaji menetapkan tarikh untuk temu bual bersama informan. Jumlah informan ini telah mencukupi bagi kajian ini kerana pandangan yang diberikan oleh informan ketujuh adalah hampir sama dengan informan keenam dan tiada lagi tema yang terbentuk berdasarkan pandangan yang diberikan oleh informan kelapan.


Seterusnya, pengkaji menghubungi informan bagi mendapatkan persetujuan dan kesukarelaan mereka untuk ditemubual bagi melihat kefahaman ibu bapa terhadap video penyalahgunaan dadah yang telah dipilih oleh pengkaji. Pengkaji juga memaklumkan kepada informan tentang kerahsiaan maklumat dan pandangan yang diberikan oleh informan. Seramai lapan orang informan telah ditemubual dalam kajian ini. Setelah mendapat persetujuan daripada informan, pengkaji menetapkan tarikh untuk temu bual bersama informan. Jumlah informan ini telah mencukupi bagi kajian ini kerana pandangan yang diberikan oleh informan ketujuh adalah hampir sama dengan informan keenam dan tiada lagi tema yang terbentuk berdasarkan pandangan yang diberikan oleh informan kelapan. Menurut Lebar (2018) dan Merriam dan Grenier (2019) tiada piawaian yang ditetapkan dalam menentukan saiz sampel hingga sampai ke satu tahap tiada lagi maklumat baru yang diperoleh yang disebut sebagai titik ketepuan.

Jadual 4: Maklumat Demografi Ibu Bapa Yang Ditemubual

Informan	Umur	Jantina	Negeri / Daerah	Bilangan Anak	Tahap Pendidikan
Informan 1	54	Lelaki	Perlis / Kangar	4	Diploma
Informan 2	50	Lelaki	Kedah / Kota Setar	5	Sarjana Muda
Informan 3	44	Lelaki	Kedah / Kota Setar	4	Diploma
Informan 4	47	Perempuan	Pelis / Kangar	4	STPM
Informan 5	36	Lelaki	Perlis / Kangar	3	Sarjana Muda
Informan 6	32	Perempuan	Perlis / Kangar	3	Sarjana Muda
Informan 7	49	Lelaki	Perlis / Kangar	5	Diploma
Informan 8	37	Lelaki	Kedah / Kota Setar	4	Sarjana Muda

Dapatan dan Perbincangan

Tiga tema telah dibentuk berdasarkan pandangan yang diberikan oleh informan terhadap faktor perubahan sikap belia berdasarkan video penyalahgunaan dadah di YouTube. Tema-tema tersebut ialah YouTube sebagai sumber motivasi, sokongan ahli keluarga, dan YouTube dapat mempengaruhi sikap pengguna. Dua sub tema telah terbentuk di bawah tema sokongan ahli keluarga iaitu perhatian daripada ibu bapa dan komunikasi yang baik.



Rajah 1: Kefahaman Ibu Bapa Terhadap Paparan Video Penyalahgunaan Dadah

YouTube Sebagai Sumber Motivasi

Pandangan ini dinyatakan oleh informan 1, informan 2, informan 3, informan 4, dan informan 8.

Informan 1 menyatakan video-video tersebut tersebut dapat mewujudkan rasa impati, keinsafan dan motivasi terhadap diri seseorang khususnya mereka yang pernah terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah.

Antara kebaikan yang dapat kita ambil daripada video tersebut adalah pengajaran di mana ia boleh mewujudkan rasa impati, keinsafan pada diri dan motivasi kepada seseorang terutamanya mereka yang pernah terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah (informan 1)

Walau bagaimanapun, informan 2 menyatakan pandangan yang berbeza. Informan 2 berpendapat aspek motivasi dan kesedaran itu wujud sekiranya video-video itu ditonton dengan penuh penghayatan di samping didikan agama dalam diri seseorang.

Berdasarkan paparan video-video tersebut, aspek motivasi dan kesedaran dapat diwujudkan jika pengguna menonton video tersebut dengan penuh penghayatan dan diiringi dengan didikan agama yang kukuh dalam diri

seseorang mampu menjauhi individu tersebut daripada masalah penyalahgunaan dadah (informan 2)

informan 3 memberi pandangan yang hampir sama seperti informan 1. Informan 3 menyatakan video-video yang dipaparkan mampu memberi motivasi khususnya kepada golongan remaja. Menerusi video tersebut, mereka dapat mengetahui kesan yang akan berlaku terhadap keluarga dan masyarakat apabila seseorang itu telah terjatuh dalam kancuh penyalahgunaan dadah.

Secara peribadi saya menyatakan video-video yang dipaparkan mampu memberi motivasi terutamanya kepada golongan muda kerana mereka dapat melihat sendiri kesan penyalahgunaan dadah terhadap keluarga dan masyarakat (informan 3)

Informan 4 menambah pandangan yang diberikan oleh informan 1 dan informan 3. Informan 4 menyatakan video-video yang dipaparkan lebih tertumpu kepada unsur motivasi dengan mengaitkan beberapa adegan daripada video-video tersebut. Informan 4 juga menjelaskan motivasi dan sokongan daripada ahli keluarga sangat penting dalam usaha memulihkan penagih dadah.

Bentuk mesej yang digunakan lebih kepada unsur motivasi. Jika kita perhatikan pada video pertama, si isteri memberi motivasi kepada si suami untuk berubah daripada mengambil dadah. Dari situ jelas menunjukkan bahawa motivasi dan sokongan daripada ahli keluarga mampu membimbing ahli keluarga yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah untuk kembali ke pangkal jalan (informan 4)

Informan 8 turut menyokong pandangan informan 1, informan 3, dan informan 4. Informan 8 menyatakan video-video yang dipaparkan dapat menimbulkan keinsafan dalam diri khususnya buat mereka yang menjalani rawatan dan pemulihan daripada ketagihan dadah. Adegan yang dipaparkan di dalam video-video tersebut juga menjadi sumber motivasi kepada pengguna media sosial untuk menjauhi najis dadah.

Apabila individu yang sedang berada dalam fasa pemulihan daripada ketagihan dadah menonton video-video tersebut, ia akan menimbulkan rasa keinsafan dalam dirinya dan berhadap agar tiada lagi daripada kalangan keluarga atau rakan-rakan selepas ini yang mengikut jejak langkahnya. Jadi dia ambil contoh dirinya dan adegan daripada video-video tadi sebagai sumber motivasi kepada orang lain supaya tidak terlibat dengan najis dadah (informan 8)

Faktor motivasi dalam sesuatu video juga merupakan aspek penting dalam mempengaruhi sikap seseorang. Walau bagaimanapun, Kajian Cooper dan lain-lain (2016) sedikit berbeza dengan kajian ini yakni motivasi yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah motivasi untuk berubah dan menjauhi dadah, bukan untuk mendekati perkara tersebut.

Sokongan Ahli Keluarga

Tujuh informan menyatakan pandangan bahawa perhatian daripada ibu bapa merupakan faktor yang dapat menghalang seseorang daripada terjebak dengan masalah penyalahgunaan dadah. Pendapat ini dinyatakan oleh informan 1, informan 2, informan 3, informan 4, informan 5, informan 6, dan informan 8.

Ibu bapa perlu adil dalam memberi perhatian kepada anak-anak agar mereka tidak terasa diri mereka disisihkan daripada ibu bapa. Kenyataan ini dinyatakan oleh informan 1.

Ibu bapa juga tidak boleh berat sebelah dalam mengasihi dan menyayangi anak-anak. Perhatian perlu diberikan secara adil kepada anak-anak supaya mereka berasa diri mereka dihargai sepenuhnya oleh ibu bapa (informan 1)

Informan 2 mengukuhkan pernyataan informan 1 dengan menyatakan ibu bapa perlu memberi perhatian kepada anak-anak terutamanya terhadap aktiviti anak-anak.

Kebanyakan ibu bapa membiarkan anak-anak mereka bebas ke mana sahaja tanpa ada had masa. Kita sebagai ibu bapa seharusnya tidak membiarkan anak-anak kita keluar selepas pukul 7 malam. Pastikan mereka berada di rumah pada waktu malam (informan 2)

Pernyataan yang dikemukakan oleh informan 2 dikukuhkan lagi oleh informan 3. Informan 3 menyatakan kemudahan teknologi yang semakin canggih dapat membantu ibu bapa dalam memantau setiap kegiatan dan aktiviti anak-anak.

Melalui kecanggihan alat telekomunikasi pada masa ini, ia memberi kemudahan kepada ibu bapa untuk memantau kegiatan dan aktiviti anak-anak melalui telefon (informan 3)

Informan 4 menyatakan pandangan yang sama seperti informan 2. Informan 4 turut menyenaraikan beberapa contoh soalan yang perlu ditanya oleh ibu bapa kepada anak-anak dalam memantau aktiviti harian mereka.

Sikap ambil peduli perlu ditekankan oleh semua ibu bapa iaitu selalu bertanya tentang keadaan anak-anak, di mana mereka berada, dengan siapa mereka berkawan, apa aktiviti mereka sama ada aktiviti di rumah ataupun aktiviti di luar di samping kita mendapatkan maklumat daripada rakan-rakan di sekolah atau di tempat kerja sekiranya anak itu bekerja (informan 4)

Informan 5 menyatakan pandangan yang berbeza daripada informan sebelum ini. Informan 5 menyatakan ibu bapa merupakan insan yang paling hampir dengan anak-anak dan perhatian yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anak dapat mencegah mereka daripada pengaruh rakan sebaya yang negatif.

Ibu bapa juga ini merupakan individu yang paling dekat dengan anak-anak. Sebagai ibu bapa, kita perlu tahu setiap masalah yang anak-anak hadapi sama ada di sekolah mahu pun di universiti dan sentiasa memberi perhatian yang

penuh kepada mereka supaya mereka tidak dipengaruhi oleh rakan-rakan yang mengajak untuk melakukan perkara-perkara yang salah ini (informan 5)

Informan 6 menyokong pandangan informan 1 dengan menyatakan anak-anak akan berasa tidak dihargai dan tidak disayangi sekiranya ibu bapa mengabaikan mereka. Informan 6 turut memberi pandangan bahawa ibu bapa juga perlu menjadi rakan kepada anak-anak supaya mereka merasakan ibu bapa adalah insan yang paling hampir dengan mereka berbanding rakan sebaya.

Dari kecil anak-anak memang perlukan kasih sayang daripada ibu bapa. Apabila ibu bapa menunjukkan sikap yang tidak baik, anak-anak merasakan diri mereka tidak dihargai dan tidak disayangi oleh ibu bapa. Apabila mereka telah menjangkau peringkat remaja, ibu bapa juga mesti mengambil tahu setiap pergerakan, aktiviti anak-anak dan kenal siapa kawan mereka. Selalunya kita nampak sekarang ini, anak-anak muda pukul 12 malam masih belum pulang ke rumah sampai kadang-kadang kita tertanya-tanya adakah ibu bapa mereka tidak peduli tentang hal anak-anak mereka sampai ada yang berkeliaran pukul 12 malam begini. Jadi, ibu bapa ini seharusnya berkawan dengan anak-anak. Apabila berkawan, anak-anak akan sedar bahawa ibu bapa merupakan individu paling dekat dengan diri mereka (informan 6)

Informan 8 menyatakan pandangan yang berbeza daripada informan sebelum ini, namun masih berteraskan perhatian ibu bapa kepada anak-anak. Informan 8 menyatakan kebanyakan individu yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah mempunyai hubungan yang renggang antara ahli keluarga dan kurang kasih sayang daripada ibu bapa.

Hubungan kasih sayang antara suami dengan isteri, isteri dengan anak-anak, dan suami dengan anak-anak menjadi satu sistem yang tak boleh dipisahkan dalam institusi kekeluargaan. Tetapi yang berlaku pada hari ini, kebanyakan individu yang terlibat dengan dadah mempunyai hubungan yang renggang antara ahli keluarga dan kurang kasih sayang daripada ibu bapa (informan 8)

Selain itu, empat informan menyatakan pandangan bahawa komunikasi yang baik antara ibu bapa dengan anak-anak merupakan faktor yang dapat menghalang golongan remaja daripada terjebak dengan masalah penyalahgunaan dadah. Pendapat ini dinyatakan oleh informan 1, informan 2, informan 4, dan informan 6.

Informan 1 menyatakan penghargaan daripada ibu bapa terhadap tingkah laku atau perbuatan baik yang dilakukan oleh anak-anak adalah satu bentuk komunikasi yang berkesan.

Pada pendapat saya, komunikasi berkesan dalam keluarga dapat dilihat dengan menghargai setiap tindakan atau perbuatan baik yang dilakukan oleh anak-anak (informan 1)

Sungguhpun begitu, informan 2 menyatakan pandangan yang berbeza dengan informan 1. Informan 2 menyatakan ibu bapa perlu tegas dalam berkomunikasi serta tidak terlalu berlemah-lembut dalam berkomunikasi dengan anak-anak. Hal ini bagi menyingkirkan perasaan bebas membuat sesuatu keputusan dan tindakan dalam diri anak-anak.

Komunikasi dalam keluarga ini perlu bermula daripada ibu bapa. Ibu bapa perlu tegas dalam berkomunikasi dengan anak-anak mengikut kepada masa dan keadaan. Kadang-kadang apabila terlalu berlemah-lembut dengan anak-anak menyebabkan anak-anak semakin melampau (informan 2)

Informan 4 pula menyokong pandangan yang informan 1. Informan 4 menyatakan sikap peduli yang ditunjukkan oleh ibu bapa terhadap anak-anak merupakan satu bentuk komunikasi berkesan. Ibu bapa perlu lebih serius dalam memantau setiap aktiviti anak-anak serta ibu bapa juga perlu berbincang dengan anak-anak sekiranya mereka menghadapi sesuatu masalah.

Komunikasi berkesan dalam keluarga ini dapat dilaksanakan melalui sikap ambil peduli tentang keadaan ahli keluarga. Sebagai ibu bapa, jangan mengamalkan sikap 'melepaskan batok di tangga' iaitu bersikap sambal lewa terhadap anak-anak. Ibu bapa juga perlu bertanya keadaan anak-anak dengan lebih serius dan anak-anak pula perlu memberikan jawapan yang sebenar kepada ibu bapa. Jika terdapat masalah dalam keluarga, duduk semeja dan bincang bersama (informan 4)

Informan 6 turut menyokong pandangan tentang komunikasi berkesan yang dikemukakan oleh informan 4 dan informan 1. Informan 6 menyatakan komunikasi antara ibu bapa dengan anak-anak adalah satu aspek penting dan perlu diberi penekanan oleh ibu bapa bagi memastikan anak-anak tidak terlibat dengan masalah sosial. Informan 6 turut menjelaskan kebanyakan masalah sosial yang berlaku disebabkan oleh ketidakpedulian ibu bapa dan kesilapan anak-anak dalam memilih rakan sebaya.

Komunikasi antara ibu bapa dengan anak-anak sangat penting. Apabila kita tidak bertegur-sapa dengan anak-anak kita, mereka akan rasa seolah-olah diri mereka tidak dipedulikan oleh ibu bapa. Hal ini menyebabkan mereka akan mencari kawan-kawan yang lebih menghargai diri mereka. Jika kita perhatikan, tidak semua kawan-kawan yang dipilih membimbing ke arah kebaikan, lebih malang lagi apabila kawan-kawan pula mengajak ke arah hiburan yang melampaui batas atau negatif seperti tengok video lucah, merokok dan sebagainya (informan 6)

Dapatan kajian ini menyokong kajian Nurul Shahira dan Faudziah (2020) yang menyatakan pengabaian ibu bapa terhadap anak-anak dan kelonggaran komunikasi antara ibu bapa dengan anak-anak menjadi punca remaja terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah. Faktor tersebut turut dipaparkan di dalam sebuah video yang telah dianalisis wujudnya pertelingkahan yang terjadi di antara ibu dan bapa menyebabkan anak-anak mula mencari haluan hidup sendiri.

YouTube Dapat Mempengaruhi Sikap Pengguna

Pandangan ini dinyatakan oleh informan 1, informan 3, informan 4, informan 5, informan 7, dan informan 8. Informan 1 menyatakan video-video yang dipaparkan dapat mempengaruhi sikap pengguna YouTube.

Pada pandangan saya, 70 peratus mungkin berjaya mempengaruhi sikap penonton apabila menonton video-video yang dipaparkan sebentar tadi (informan 1).

Informan 3 turut menyatakan pandangan yang sama seperti informan 1. Informan 3 menyatakan lakonan yang dipaparkan di dalam video-video itu dapat mempengaruhi minda dan sikap pengguna untuk tidak mendekati dadah. Kandungan yang dimasukkan ke dalam video-video tersebut juga memberi pengajaran kepada pengguna serta menjadi benteng kepada mereka daripada terjebak dalam kancang yang tidak sihat itu.

Melalui lakonan yang ditunjukkan dalam video tersebut, ia dapat mempengaruhi minda dan sikap pengguna untuk menjauhi dadah. Penceritaan yang digunakan dalam video-video tersebut seperti pengambilan dadah yang berlebihan sehingga membawa maut, kemusnahan ahli keluarga dan sebagainya menjadi pengajaran kepada pengguna serta menghalang diri mereka daripada mengambil dadah kerana telah mengetahui tentang kesan jika mereka mengambil dadah (informan 3)

Informan 4 menambah pandangan yang dinyatakan oleh informan 3. Informan 4 menyatakan media sosial perlu memperbanyakkan lagi video-video tentang penyalahgunaan dadah supaya maklumat tersebut sampai kepada golongan yang disasarkan. Video-video itu juga menjadi kekuatan kepada mereka yang pernah terjebak dengan gejala penyalahgunaan dadah untuk pulih daripada masalah tersebut

Media sosial seperti YouTube, Instagram, dan Facebook seharusnya memperbanyakkan video-video tentang penyalahgunaan dadah. Masukkan kandungan tentang akibat penyalahgunaan dadah kepada individu, keluarga dan masyarakat supaya lebih berkesan dan mempengaruhi minda dan sikap pengguna media sosial. Di samping itu, lagu yang digunakan dalam video-video tersebut didedikasikan khas kepada mereka yang terlibat dalam usaha untuk memulihkan para penagih. Jadi, pada pandangan saya video-video tersebut memang bagus untuk ditayangkan agar dijadikan sebagai satu kekuatan kepada mereka yang pernah terlibat dengan dadah untuk kembali seperti sedia kala (informan 4)

Informan 5 menyokong pandangan yang dikemukakan oleh informan 4, informan 3, dan informan 1. Informan 5 menyatakan video-video yang terdapat di media sosial mempunyai kesan yang dapat menyentuh perasaan dan mengubah sikap seseorang. Informan 5 turut menambah penyebaran nilai-nilai murni yang terdapat di dalam video-video itu juga dapat mengubah perilaku masyarakat khususnya golongan remaja supaya tidak terjebak dengan masalah penyalahgunaan dadah.

Setiap video klip yang ditayangkan di media sosial mempunyai kesannya yang tersendiri yang dapat menyentuh perasaan dan mengubah sikap seseorang. Contoh teladan yang baik yang dipaparkan di media sosial juga dapat mengubah perilaku masyarakat dan menyebarkan nilai-nilai murni. (informan 5)

Walau bagaimanapun, informan 7 menyatakan pandangan yang berbeza. Informan 7 menyatakan media memberi kesan yang negatif terhadap sikap individu menerusi adegan yang terdapat di dalam video-video yang dipaparkan sekiranya mereka gagal memahami isi kandungan video tersebut dengan baik.

Contohnya, di dalam video tadi terdapat adegan tentang cara-cara menghisap dadah. Ini secara tidak langsung mempengaruhi sikap anak-anak muda untuk mencuba sesuatu yang belum pernah mereka lakukan kerana dipengaruhi adegan yang terdapat di dalam video-video di YouTube (informan 7)

Selain itu, pandangan yang dikemukakan oleh informan 8 mengukuhkan lagi pandangan yang dikemukakan oleh informan-informan sebelum ini. Informan 8 menyatakan isu tentang masalah penyalahgunaan dadah yang terdapat media sosial dapat mempengaruhi sikap seseorang kerana dijelaskan dalam bentuk visual.

Jadi secara tak langsung, media ini dapat menunjuk satu bukti bahawa jika kita terlibat dengan dadah, itulah yang akan ditanggung oleh diri, keluarga, masyarakat dan negara. Maknanya, media dapat memberi impak yang berkesan ke atas sikap seseorang kerana ia dijelaskan dalam bentuk visual dan membawa ke hati penonton (informan 8)

Hasil kajian ini menunjukkan YouTube dapat mempengaruhi sikap pengguna dengan maklumat yang terkandung di dalam video di YouTube. Hal ini selari dengan kajian Akram dan Kumar (2017) yang menyatakan perkembangan media sosial seperti YouTube, Facebook dan Instagram sebagai laman sosial yang interaktif menjadi aspek penting dalam kehidupan masyarakat. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Romer dan lain-lain (2017) yakni video tentang penyalahgunaan dadah dapat mempengaruhi perubahan sikap seseorang ke arah yang lebih positif.

Kesimpulan

Ibu bapa disarankan memainkan peranan dalam membanteras penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar sekolah dan tidak hanya meletakkan tanggungjawab itu di atas bahu guru semata-mata. Isu penyalahgunaan dadah banyak berlaku di luar pagar sekolah dan mustahil untuk para guru mengawasi pelajar mereka sepanjang waktu. Kajian ini meninjau tentang tahap kefahaman golongan ibu bapa tentang penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia yang merupakan peneraju tampuk kepimpinan negara. Konsep pemimpin belia dalam Akta 668, iaitu konsep baharu yang merujuk kepada individu memegang jawatan dalam pertubuhan belia. Pemimpin belia boleh didefinisikan sebagai individu berusia 15 hingga 35 tahun, manakala belia pula didefinisikan individu berusia 15 hingga 30 tahun. Dapatan kajian secara amnya menunjukkan pandangan yang diberikan oleh ibu bapa disokong oleh kajian Kalaisilven dan Sukimi (2019) yang mengkaji tentang pengetahuan dan pemahaman ibu bapa terhadap media sosial dalam mengawal penggunaan media sosial anak-anak. Kalaisilven dan Sukimi (2019) menyatakan 94 peratus daripada ibu bapa mengetahui aktiviti anak-anak di media sosial dan turut memantau penggunaan media oleh anak-anak. Tahap pengetahuan ibu bapa juga mempengaruhi kawalan sosial terhadap anak-anak. Pengetahuan ibu bapa yang tinggi tentang perilaku anak-anak menyebabkan mereka sentiasa peka terhadap aktiviti anak-anak mereka di media sosial secara efektif. Di samping itu, kajian lepas membuktikan kebanyakan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja adalah disebabkan oleh kurangnya perhatian

daripada ibu bapa serta pengaruh rakan sebaya (Ibrahim & lain-lain, 2018; Ismail & lain-lain, 2017; Othman & lain-lain, 2019).

Penghargaan

Penyelidikan ini disokong oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental Untuk Penyelidikan Akulturasi Penyelidik Kerjaya Awal (RACER/1/2019/SS09/UUM/3). Kami juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Universiti Utara Malaysia (UUM). Sekalung penghargaan diucapkan kepada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman di atas sumbangan maklumat yang diberikan dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Akram W. & Kumar R. (2017). A study on positive and negative effects of social media on society. *International Journal of Computer Sciences and Engineering*, 5 (10), 347 – 354.
- Cooper, M., Harell, M. B. & Perry, C. L. (2016). Comparing young adults to older adults in e-cigarette perceptions and motivations for use: Implications for health communication. *Health Education Research*, 31 (4), 429 – 438.
- Cresswell, J. W. & Cresswell, J. D. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks: SAGE.
- Fullwood, M. D., Kecojevic, A., & Basch C. H. (2016). Examination of YouTube videos related to synthetic cannabinoids. *International Journal of Adolescent Medicine and Health*, 30 (4), doi: 10.1515/ijamh-2016-0073.
- Hj Ibrahim, H., Mustapha, M., Perdani, J., Megat Ahmad, P., H., & Md Nawi N., H. (2018). Peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam pengasuhan anak dan remaja. *Asian Social Work Journal*, 3 (5), 18 – 24.
- Kalaisilven, S., & Sukimi, M., F. (2019). Kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial. *Akademia*, 89 (1), 111 – 124.
- Lebar, O. (2018). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Motode*. (2nd ed). Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Merriam, S., B., & Grenier, R., S. (2019). *Qualitative Research in Practice*. (2nd ed). San Francisco: Jossey-Bass.
- Muthiah, P., Naidu, R., S., Badzis, M., Mat Nayan N., F., Abdul Rahim, R., & Abdul Aziz, N., H. (2020). *Qualitative Research Data Collection and Data Analysis Techniques*. (2nd ed). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Omar, N., A., & Zakira, S., M. (2019). Hubungan di antara gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi dengan masalah tingkah laku kanak-kanak: Satu sorotan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2 (3), 1 – 7.
- Othman, M., Sarnon, N., & Zakaria, E. (2019). Meneroka kefungsian keluarga remaja perempuan tidak terkawal yang dirujuk ibu bapa untuk intervensi kerja sosial. *Journal of Sciences and Humanities*, 16 (9), 86 – 101.
- Rahmawan, D., Mahameruaji, J. N., & Janitra, P. A. (2018). The potential of YouTube as educational media for young people. *Journal of Library and Information Science*, 8 (1), 81 – 98.
- Romer, D., Jamieson, P. E., Jamieson K.H., Jones, C., & Sherr, S. (2017). Counteracting the influence of peer smoking on YouTube. *Journal of Health Communication*, 22 (4), 337 – 345.

- Setiadi, E., F., Azmi, A., & Indrawadi, J. (2019). YouTube sebagai sumber belajar generasi milenial. *Journal of Civic Education*, 2 (4), 313 – 323.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2019). Internet Users Survey 2018. Capaian 17 November 2020, dari [https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Internet-Users-Survey-2018-\(Infographic\).pdf](https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Internet-Users-Survey-2018-(Infographic).pdf)
- Willoughby, J. F., Hust S. J. T., Li, J., Couto, L., Kang, S., dan Domgaard, S. (2020). An Exploratory Study of Adolescents' Social Media Sharing of Marijuana-Related Content. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 23 (9), 1 – 5.
- Zhou, R., Khemmarat, S., Gao L., Wan, J., & Zhiang, J. (2016). How YouTube videos are discovered and its impact on video views. *Multimedia Tools Application*, 75 (10), 6035 – 5058.
- Zolkanain, N., S., & Yusof, F. (2020). Hubungan kasih sayang ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen pelajar tingkatan tiga sekolah menengah kebangsaan sultan alauddin, masjid tanah, Melaka. *Malaysian Journal of Social Science*, 5 (1), 25 – 32.